



KEHIDUPAN BERSAMA ANTARA
MUSLIM
DENGAN KAUM LAIN

*Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w.
Bagi Meletak Asas Dan Tujuan*

Oleh
Sheikh 'Ali Jum'ah
Terjemahan
Muhammad Haniff Hassan

KEHIDUPAN BERSAMA ANTARA MUSLIM DENGAN KAUM LAIN

*Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w.
Bagi Meletak Asas Dan Tujuan*

Oleh

Sheikh 'Ali Jum`ah
Mantan Mufti Besar Negara Mesir

Terjemahan

Muhammad Haniff Hassan
Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratanam
Universiti Teknologi Nanyang Singapura

2024

Tajuk asal buku:

Al-Namazij Al-Arba'ah Min Hady Al-Nabiy s.a.w.

Fi Al-Ta'aush Ma'a Al-Akhar: Al-Usus Wa Al-Maqasid

Terbitan: Dar Al-Faruq, Mesir, edisi pertama, tahun 2013

© Terjemahan milik Muhammad Haniff Hassan (2024)

Hak cipta kandungan buku ini dimiliki oleh Muhammad Haniff Hassan.

© Penerbitan milik Madani Institute (2024)

Hak cipta penerbitan buku ini dimiliki oleh Madani Institute.

Semua hak cipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Dilarang mengguna mana-mana bahagian, ilustrasi atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk tanpa izin.

ISBN 978-981-94-0526-8

KANDUNGAN

PENGHARGAAN · *i*

PRAKATA DARI PENAJA UTAMA · *iii*

KATA PENGANTAR · *v*

Pengenalan Bagi Buku · *1*

BAB 1: PENDAHULUAN & MODEL PERTAMA – Kehidupan Di Mekah · 21

BAB 2: MODEL KEDUA – Model Masyarakat Habshah · 35

BAB 3: MODEL KETIGA – Model Madinah Pada Fasa Pertama · 57

Pembinaan Masjid Dan Persaudaraan · 58

Menandatangani Dokumen Perjanjian Madinah Dan Perjanjian Tiada Permusuhan Dengan Kaum Yahudi · 61

Berurusan Dengan Golongan Munafik Di Madinah · 102

Berurusan Dengan Golongan Musyrik Di Madinah · 106

BAB 4: MODEL KEEMPAT – Model Madinah Pada Fasa Kedua Terakhir · 107

Sikap Rasulullah s.a.w Bagi Kehidupan Bersama Kaum Lain Di Luar Madinah · 124

Sikap Rasulullah s.a.w Dalam Hidup Bersama Ahli Kitab Di Luar Madinah · 150

Sikap Rasulullah s.a.w Dalam Menyambut Kedatangan Pelbagai Rombongan Dari Kabilah Arab Selepas Hudaibiyah · 152

Inisiatif Rasulullah s.a.w. Mengirim Surat-Surat Dakwah Ke Merata Daerah · 189

KESIMPULAN DARI PERBAHASAN · 209

KEHIDUPAN BERSAMA
ANTARA MUSLIM
DENGAN KAUM LAIN

*Empat Model Dari Petunjuk Nabi s.a.w.
Bagi Meletak Asas Dan Tujuan*

PENGHARGAAN

Moga Allah taala memberi ganjaran yang terbaik bagi para penaja di bawah atas sumbangan yang membolehkan usaha terjemahan ini dapat diterbitkan dalam bentuk buku ini:

- Masjid Wak Tanjong (penaja utama)
- Masjid An-Nur (penaja bersama)
- IMSGP (penaja bersama)
- Individu (EI) (penaja bersama)

PRAKATA

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.
Segala pujian bagi Allah taala, Tuhan sekalian alam.
Selawat dan salam pula kepada Rasulullah serta ahli keluarga
dan para sahabatnya.

Semenjak diwakafkan pada 1873, Masjid Wak Tanjong telah, Alhamdulillah, berkembang daripada sebuah struktur kayu yang serba sederhana kepada pusat ibadah dan penglibatan masyarakat yang meriah di Paya Lebar. Masjid ini menghidupkan semangat dermawan dan kepimpinan berwawasan pengasasnya, almarhum Wak Tanjong.

Dalam mensyukuri dan memperingati ulang tahun Masjid Wak Tanjong yang ke-150, usaha pertama kami adalah untuk mencari pengertian dari kewujudan institusi yang telah berjaya wujud merentasi lebih dari satu abad. Apa yang dapat memenuhi, meningkatkan, meluaskan dan memperpanjang hasil sumbangan dan pengorbanan ramai sebelum kami untuk mengimarahkan rumah Allah ini.

Masjid adalah tempat meningkatkan kerohanian melalui jalinan jitu dengan Allah, membimbing masyarakat dengan ilmu yang sohih, dan mengubah kehidupan masyarakat kepada yang lebih baik. Di sini tempat mengharmonikan perhubungan antara masyarakat.

Usaha menyokong penerbitah terjemahan ke Bahasa Melayu karya Syeikh Ali Jum`ah, dengan tajuk asalnya *Al-Namazij Al-Arba`ah Min Had'y Al-Nabiy s.a.w. Fi Al-Ta`ayush Ma`a Al-Akhar: Al-Usus Wa Al-Maqasid* merupakan satu inisiatif untuk mencerminkan komitmen kami terhadap pendidikan rohani, pengayaan budaya ilmu, dan meluaskan jangkauan komuniti kami.

Penerbitan ini sejajar dengan legasi pengasas kami dan misi masjid untuk memupuk persefahaman dan kerjasama dalam kalangan masyarakat dari pelbagai kaum dan agama di tengah-tengah kawasan metropolitan sebuah negara maju yang kami cintai iaitu Singapura.

Karya Sheikh Ali Jum`ah, yang menonjolkan kewujudan masyarakat yang berbeza bangsa, agama dan nilai bersama Nabi Muhammad s.a.w. suatu model yang patut dicontohi umat Islam hari ini. Aktiviti kami yang pelbagai, daripada pengajian Al-Quran kepada kebajikan masyarakat silang bangsa dan agama, mencerminkan etos ini.

Penajaan kitab terjemahan ini memenuhi sebahagian hasrat untuk berkongsi pandangan yang ilmiah dan berteras syariah, tentang interaksi Nabi Muhammad s.a.w. yang aman dan penuh hormat lagi membina. Penerokaan ilmiah dan praktikal ini penting dalam kita hidup di perkampungan global hari ini.

Dalam kita terus maju, Masjid Wak Tanjong tetap berdedikasi untuk menghormati warisan kita yang kaya, sambil meraih peluang-peluang masa depan dengan tangan terbuka dan minda yang cerah.

Kami berdoa agar buku ini dapat menginspirasi dan membimbing pembacanya, memupuk masyarakat yang berpengetahuan, inklusif yang disemai dengan persaudaraan dan keamanan seperti yang diajar oleh Islam. Kami berterima kasih kepada penterjemah Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan, serta kepada semua penyokong projek ini dan memohon agar Allah memberkati usaha kita agar dapat kita terus berkhidmat kepada masyarakat dalam kita mencari keredaan Allah.

Yang Ikhlas

Haji Nailul Hafiz bin Haji Abdul Rahim

Pengerusi, Lembaga Pentadbir Masjid Wak Tanjong, Singapura

KATA PENGANTAR

Segala puji bagi Allah taala kerana dengan izinNya buku yang ditulis oleh Sheikh Ali Jum`ah yang membicarakan tentang bagaimana Muslim dapat menjalani kehidupan dalam sebuah masyarakat majmuk sesuai dengan panduan dan contoh dari Nabi s.a.w telah dapat diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan diterbitkan untuk bacaan ramai.

Adalah diharapkan agar buku terjemahan ini dapat menjadi ilmu yang berguna dan menatijahkan pengamalan Islam yang baik dalam kehidupan bermasyarakat bersama mereka yang bukan Muslim sehingga dengan itu keharmonian dan keamanan dalam sebuah negara dapat dipelihara dan konflik antara agama yang memusnahkan dapat dielakkan.

Buku ini dipilih untuk diterjemahkan ke Bahasa Melayu atas dua sebab, a) kepentingan topik ini bagi Muslim yang bertutur atau memahami Bahasa Melayu di rantau ini, dan b) Sheikh Ali Jum`ah penulis buku asal adalah tokoh agama yang dihormati di rantau ini, samada ketika menjawat jawatan Mufti Besar Mesir atau setelah bersara sekarang ini. Penghormatan yang diberi kepadanya diharapkan akan memberi kewibawaan kepada isi kandungan buku ini yang dinilai baik dan amat berguna oleh penterjemahnya bagi memandu Muslim untuk menjalani hidup dalam masyarakat majmuk sesuai dengan tuntutan agamanya – jauh dari sentimen perkauman atau kebencian dan prejudis terhadap pemeluk agama lain.

Kepentingan topik buku ini dapat dilihat dari beberapa nota di bawah ini.

Pertama, masyarakat penutur Bahasa Melayu di rantau ini majoritinya adalah Muslim dan menunjukkan keinginan untuk menghayati agama mereka dalam segenap aspek hidup mereka di negara masing-masing, termasuklah dalam kehidupan bermasyarakat. Buku ini berpotensi untuk memberi bimbingan bagi memenuhi keinginan ini.

Kedua, sejumlah besar masyarakat Melayu/Muslim di rantau ini hidup dalam masyarakat majmuk yang terdiri dari pelbagai kaum, adat

dan agama, samada sebagai minoriti Muslim (Muslim di Singapura dan Patani) atau majoriti Muslim (Malaysia dan Indonesia) dan ini selari dengan topik yang dibicarakan oleh buku ini.

Ketiga, sesiapa yang membuat pemerhatian terhadap keadaan sosial dan politik masyarakat Muslim di Malaysia, Indonesia dan Patani akan akui wujudnya cabaran-cabaran terhadap keharmonian dalam hubungan antara pemeluk agama yang jika tidak ditangani boleh berkembang ke tahap yang membimbangkan. Buku ini diharapkan dapat memberi sumbangan kecil dalam menangani perkara ini.

Keempat, sejak berlaku Peristiwa 9/11, topik Muslim dalam masyarakat majmuk adalah antara isu-isu kontemporari yang menjadi tumpuan para pengkaji, ilmuwan dan pemikir semasa daripada kalangan Muslim dan bukan Muslim di universiti-universiti dan institut-institut kajian atau "*think tank*" di merata dunia. Peristiwa ini menimbulkan persoalan tentang konsep wasatiah dalam Islam berkaitan hubungan Muslim dan bukan Muslim dalam masyarakat, khususnya dalam sebuah masyarakat majmuk. Nilai penting bagi topik meningkat pula dengan kemunculan kumpulan IS pula pada tahun 2013 yang mempropagandakan ideologi yang menyulut kebencian agama di kalangan Muslim terhadap bukan Muslim. Ideologi ini masih lagi beredar, khususnya di alam siber. Buku ini boleh memberi sedikit sumbangan bagi menangani ancaman ideologi ini kerana kandungannya yang menganjurkan prinsip perdamaian, toleransi dan rahmat dalam kehidupan sosial dalam masyarakat majmuk.

Kelima, segala poin di atas amat relevan bagi masyarakat Muslim Singapura juga kerana mereka tidak terlepas dari pengaruh gelombang kebangkitan Islam serantau, hidup dalam sebuah masyarakat majmuk dan terdedah juga pada pengaruh dan ancaman propaganda ideologi kumpulan pelampau seperti Al-Qaeda, IS dan Jemaah Islamiyah (Indonesia). Kewujudan program kajian mengenai hubungan antara agama dalam masyarakat majmuk di bawah Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang sejak tahun 2014 menjadi petanda kepentingan topik yang dibicarakan buku ini dan minat yang ditunjukkan terhadapnya oleh masyarakat akademik

dan pembuat polisi. Atas sebab ini, buku ini lebih utama untuk didedikasikan kepada masyarakat Muslim Singapura bagi mengukuhkan lagi usaha-usaha mendakwahkan Islam yang wasatiah yang telah bermula sejak penerbitan buku *Kesederhanaan Dalam Islam Dalam Konteks Masyarakat Islam Singapura*, terbitan Pergas pada tahun 2004.

Saya menilai Sheikh Ali Jum'ah berpengaruh di rantau ini kerana umat Islam di rantau ini mempunyai hubungan keserjanaan dengan Mesir sekian lama kerana di sana wujudnya Universiti Al-Azhar – tempat pengajian puluhan ribu graduan pengajian Islam atau asatizah dari rantau ini sejak seratus tahun yang lalu hingga kini. Mesir juga pengimpot gelombang kebangkitan Islam ke rantau ini melalui gerakan dakwah Ikhwan Muslimin yang ditubuhkan oleh Hasan Albanna melalui graduan-graduan universiti yang menerima tarbiyah dari aktivis-aktivis Ikhwan di sana. Kesemua ini menanam rasa hormat yang tinggi di kalangan agamawan dan rakyat biasa terhadap tokoh dan institusi agama seperti Sheikh Al-Azhar dan Mufti Besar Mesir.

Tidak syak bahawa Sheikh Ali Jum'ah menerima manfaat dari realiti ini apabila beliau menjawat jawatan Mufti Besar Mesir. Namun kredit baginya juga kerana penghormatan terhadapnya kekal tinggi di rantau ini, walaupun setelah bersara dari jawatan rasminya. Hal ini dapat dilihat dari sambutan baik yang diberi kepadanya apabila melawat Singapura pada Oktober 2019, Malaysia pada Mei 2023 dan Indonesia pada Oktober 2023. Selain itu, Sheikh Ali Jum'ah tersenarai di kalangan 500 Muslim yang berpengaruh di dunia, di tangga ke-22 bagi tahun 2024, walaupun setelah 10 tahun bersara dari jawatan rasmi Mufti Besar Mesir.

Walaupun begitu, Sheikh Ali Jum'ah tidak terlepas dari kontroversi juga akibat dari pendapat dan sikap yang beliau pilih dalam isu-isu tertentu. Kontroversi yang terbesar hingga menarik kritikan yang banyak daripada kalangan agamawan, ilmuwan dan aktivis Muslim ialah sikap beliau yang menyokong gerakan rakyat dan kudeta tentera yang menjatuhkan Presiden Morsi, sedangkan beliau tidak menunjukkan sikap yang sama pada ketika rakyat Mesir melakukan demonstrasi menuntut perletakan jawatan Hosni Mubarak, presiden

Mesir sebelum Morsi. Selain dari tanggapan bahawa sikap beliau itu bercanggah dengan proses demokrasi yang telah memilih Morsi sebagai presiden dan cenderung berpihak pada pemerintah tentera dan Hosni Mubarak sebelumnya yang tidak demokratik, jatuhnya ramai korban di kalangan orang awam yang menyokong pemerintahan Morsi dan proses demokrasi membangkitkan kemarahan sebahagian pihak terhadap Sheikh Ali Jum`ah juga.

Kontroversi berkaitan Sheikh Ali Jum`ah dalam perkara di atas dirakam dan dibahas dengan panjang lebar dalam buku bertajuk *Islam and the Arab Revolutions*, oleh Usaama Al-Azami. Sikap beliau juga saya teliti dan beri tanggapan mengenainya dalam buku saya bertajuk *Civil Disobedience in Islam: A Contemporary Debate*.

Namun, saya tetap memilih untuk menterjemah buku ini untuk dimanfaatkan oleh khalayak ramai kerana saya menilai kandungannya adalah baik dan berguna.

Selain dari itu, Islam mengajar Muslim untuk:

- Menerima kebaikan dan kebenaran itu dari apa jua sumber, termasuklah dari bukan Muslim sekali pun.

Hal ini telah disabdakan oleh Nabi s.a.w dalam sebuah hadis, “Hikmah (ilmu / kebijaksanaan) adalah ibarat barang yang hilang daripada seorang beriman. Ambillah ia di mana ia ditemui.” (Riwayat Al-Tirmizi)

Para ulama dahulu amat terbuka dalam mengambil ilmu pengetahuan yang berguna dari kaum bukan Muslim sehingga beredar di kalangan mereka kata-kata “*tuntutlah ilmu walau ke negeri Cina.*” Jika mengambil ilmu yang bermanfaat dari bukan Muslim dianjurkan, pastinya mengambilnya daripada seorang tokoh agama lebih utama lagi, walaupun lahir darinya pandangan atau sikap yang kontroversi.

- Tiada yang sempurna kecuali Allah taala sahaja dan tiada yang maksum (terpelihara dari kesalahan yang membawa pada dosa) kecuali para nabi.

Oleh itu, setinggi mana pun kedudukan seorang tokoh agama, dia tetap boleh melakukan kesilapan dan dosa sebagai manusia. Ketokohan dan kesolehannya tidak boleh dijadikan alasan untuk mengebalkan dia

dari segala kelemahan dan kesilapan dan kesilapan dan kelemahan dia tidak pula boleh juga dijadikan sebab untuk memadam segala kebaikan dan jasa yang datang darinya.

Sejarah keilmuwan Islam juga menunjukkan ramai tokoh-tokoh besar agama juga tidak terlepas dari pendapat-pendapat yang kontroversi. Namun, mereka tetap dihormati dan dijadikan rujukan dan sumber panutan. Sebagai contoh:

- Abdullah bin Umar, seorang sahabat Nabi s.a.w dan anak kepada saidina Umar berpendapat bahawa berwuduk dengan menggunakan air laut adalah tidak sah, berbeza dengan pendapat majoriti para sahabat dan ulama empat mazhab.
- Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa nabiz (bir, minuman alkohol yang bersumber dari selain anggur) tidak haram diminum kecuali jika sampai memabukkan, yang menyalahi pendapat majoriti ulama lain.
- Imam Abu Hanifah juga berpendapat harus bagi Muslim melibatkan diri dalam kontrak yang mengandungi riba' dengan bukan Muslim ketika berada di negara bukan Muslim, walaupun dua anak muridnya sendiri, Abu Yusuf dan Al-Shaibani, dan majoriti ulama dari mazhab lain tidak bersetuju dengannya.
- Satu riwayat tentang Imam Ahmad Bin Hanbal dan pendapat yang dipegang oleh Imam Ibn Hazm, penulis kitab fiqh belasan jilid bertajuk Al-Muhalla dan tokoh mazhab Al-Zahiri, bahawa masturbasi hanyalah makruh, sedangkan majoriti ulama lain mengharamkannya.
- Imam Al-Auza'ii, seorang tokoh dalam bidang fikih dan hadis dari generasi Tabi' Tabi'in dan Imam Daud Al-Zahiri, pengasas mazhab Al-Zahiri, berpendapat harus melihat seluruh badan seorang perempuan, kecuali bahagian kemaluan hadapan dan belakang, dengan tujuan untuk memilih sebagai isteri.

Untuk makluman pembaca, terdapat beberapa bahagian akhir dari buku Sheikh Ali Jum'ah yang asli yang mengandungi teks khutbah perpisahan Nabi s.a.w, khutbah-khutbah ketika pelantikan sebagai khalifah oleh saidina Abu Bakr r.a., saidina Umar r.a., saidina Uthman

r.a. dan saidina Ali r.a. Saya tidak pasti apa hubungan khutbah-khutbah ini dengan tajuk utama buku dan saya tidak mendapati pula apa-apa penjelasan yang jelas dari Sheikh Ali Jum`ah mengenainya. Maka, saya anggap ia hanya lampiran untuk manfaat umum pembaca hingga saya memutuskan tidak menterjemah dan memasukkan teks-teks khutbah ini dalam buku ini untuk memendekkan kandungan buku hingga dapat menjimatkan kos penerbitan.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua penaja dan penderma yang sudi menyumbang wang untuk usaha penerbitan buku ini dan pihak penerbit yang sudi pula menerbitkannya.

Saya memohon maaf atas kesilapan dan kelemahan yang didapati dalam usaha ini. Semoga usaha ini diterima sebagai amal soleh di sisi Allah taala dan menjadi ilmu yang bermanfaat bagi pembaca, agar dapat menyalurkan pahala berterusan buat saya hingga hari yang setip seorang dari kita akan dihisab di hadapan Allah taala nanti, Amin.

Muhammad Haniff Hassan

Felo, Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam

Universiti Teknologi Nanyang Singapura

PENGENALAN

Bahagian ini membentangkan gambaran umum bagi buku Sheikh Ali Jum`ah bagi membantu pembaca untuk berkenalan dengan isinya sebelum membeli atau bagi memudahkan pengkaji membuat carian bagi bahan kajian sebelum membaca lebih lanjut isinya. Ia boleh dianggap sebagai kupasan atau “bedah buku” secara bertulis bagi buku Sheikh Ali Jum`ah dari penterjemah.

Buku ini adalah terjemahan bahasa Melayu dari karya asli dalam bahasa Arab yang bertajuk *Al-Namazij Al-Arba`ah Min Hady Al-Nabiy s.a.w. Fi Al-Ta`aush Ma`a Al-Akhar: Al-Usus Wa Al-Maqasid*, yang diterbitkan oleh Dar Al-Faruq di Kaherah, Mesir, pada tahun 2013.

Karya asli ini ditulis oleh Sheikh Ali Jum`ah, mantan Mufti Negara Mesir (2003-2013). Walaupun telah bersara dari jawatan mufti, Sheikh Ali Jum`ah masih dinilai sebagai seorang yang amat berpengaruh di kalangan Muslim serata dunia. Beliau diletakkan pada tangga 22 di dalam senarai 50 Muslim yang paling berpengaruh di dunia dalam buku *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims*, bagi tahun 2024.¹

Latar belakang penulisan buku ini ialah ia diterbitkan pada ketika Mesir menyaksikan gelombang revolusi rakyat untuk mengganti pemerintah yang sedia ada yang bermula pada tahun 2011, berikutan dari kebangkitan rakyat yang bermula di Tunisia pada Disember 2010 dan kemudiannya merebak ke merata negara Arab hingga dikenali dengan Arab Spring. Gelombang revolusi rakyat Mesir yang bermula pada Januari 2011 menyaksikan jatuhnya dua pemerintahan, iaitu pemerintahan Presiden Hosni Mubarak, pada Februari 2011 dan pemerintahan Presiden Morsi pada Julai 2013 setelah memenangi pilihanraya presiden pada tahun Jun 2012 setelah kejatuhan Hosni Mubarak. Revolusi rakyat Mesir ini telah mewujudkan ketidakstabilan

1. *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims* (2024), Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre, ms. 34, lihat di <https://themuslim500.com/> (15 Januari 2024).

politik dan ketegangan dalam masyarakat, khususnya antara masyarakat Muslim dan Koptik yang majoritinya beragama Kristian. Selain itu, dunia pula menyaksikan aksi-aksi pelampauan oleh kumpulan ISIS yang dapat menguasai daerah yang luas yang meliputi Irak dan Syria lalu mengumumkan penubuhan khalifah bagi semua Muslim. Antara aksi pelampauan yang relevan bagi penulisan buku ini ialah penindasan yang dilakukan ke atas para penganut agama Kristian dan masyarakat Yazidi di Irak seperti pemusnahan rumah ibadah, pembunuhan rambang, penculikan dan penghambaan dan penghalauan dari kampung halaman. Kesemua ini menunjukkan kepada dua perkara, a) wujudnya kumpulan pelampau seperti ISIS dan Al-Qaeda yang menguar-uarkan ideologi yang mengabsahkan aksi-aksi kekerasan terhadap pemeluk agama lain yang perlu dikekang agar tidak mempengaruhi Muslim yang lain, dan b) kesan negatif terhadap imej Islam dan Muslim di kalangan bukan Muslim seluruh dunia yang menimbulkan persoalan pada masyarakat Muslim tentang keupayaan mereka untuk hidup dengan harmoni dengan kaum lain di negara di mana mereka berada. Kededua perkara ini memerlukan usaha membetulkan fahaman yang salah yang disebarkan oleh kumpulan-kumpulan pelampau dan kesalahfahaman bukan Muslim. Sheikh Ali Jum'ah berasa bertanggungjawab sebagai seorang agamawan untuk menyumbang dan hasilnya ialah karya yang diterjemahkan ini.

Sheikh Ali Jum'ah dalam bukunya ini merumuskan empat model bagi Muslim untuk hidup secara aman bersama masyarakat bukan Muslim yang lain, atau dengan kata lain untuk hidup dalam satu masyarakat majmuk yang antara sifat kemajmukannya ialah kepelbagaian agama. Tujuan dari buku ini ditulis di sisi Sheikh Ali Jum'ah ialah untuk menyorot dan menegaskan sifat Islam sebagai agama yang berteraskan perdamaian dan keamanan, khususnya dalam berhubungan dengan masyarakat bukan Muslim berdasarkan contoh-contoh yang ditunjukkan Nabi s.a.w dalam sirah kehidupannya. Tujuan lain ialah:

- Menunjuk keupayaan warisan ilmu Islam untuk menawarkan asas keagamaan bagi Muslim untuk hidup secara harmoni serta beriltizam dengan ajaran Islam dalam satu masyarakat majmuk,

tidak kira samada Muslim dalam kedudukan sebagai majoriti atau minoriti dalam masyarakat itu

- Membimbing Muslim masa kini dan akan datang untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi dalam kehidupan dalam masyarakat majmuk
- Menunaikan tanggungjawab peribadi sebagai seorang agamawan untuk meneruskan dan membangkitkan semula semangat ijtihad di kalangan ulama bagi menghuraikan masalah semasa yang berkaitan dengan Muslim dan Islam.

Gambaran umum empat model yang dibentangkan ialah:

- Model 1: Era kehidupan di Mekah, dari sejak pelantikan menjadi nabi (610M) hingga penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah (623M) -- era bersabar dan kehidupan bersama dalam masyarakat
- Model 2: Era kehidupan di Habshah, dari sejak penghijrahan para sahabat ke Habshah (614 / 615M) hingga penggabungan mereka dengan Nabi s.a.w di Madinah (628M / 6H) -- era hormat, patuh dan penglibatan dalam masyarakat
- Model 3: Era awal Madinah, dari sejak ketibaan Nabi s.a.w di Madinah (623M / 1H) hingga berlaku Perjanjian Hudaibiyah (628M / 6H) -- era kehidupan yang inklusif dan bekerjasama
- Model 4: Era kedua Madinah, dari sejak Perjanjian Hudaibiyah hingga kewafatan Nabi s.a.w (633M / 10H) -- era keadilan dan pembinaan visi bersama

Gambaran umum ini juga boleh diringkaskan oleh rajah 1 di bawah.

		Tahun / Jangkamasa																						
		Era Mekah (610M - 622M)													Era Madinah (623M-633M / 1H-10H)									
Model		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	
		Model 1																						
							Model 2																	
														Model 3										
																					Model 4			

MODEL PERTAMA

Model ini bermula dari sejak penurunan wahyu pertama yang melantik Nabi s.a.w sebagai utusan Allah taala. Ia adalah kehidupan semasa di Mekah selama 13 tahun berakhir apabila Nabi s.a.w berhijrah ke Madinah.

Ciri-ciri model ini, ialah:

- masyarakat Muslim hidup sebagai minoriti tetapi mengekalkan hubungan terbuka sedia ada dengan masyarakat Mekah yang majoritinya bukan Muslim, bahkan memusuhi agama Islam. Darul Arqam wujud sebagai markas bagi menggerakkan dakwah, bukan satu perkampungan eksklusif dan terpisah dari arus utama masyarakat.
- masyarakat Muslim mengamalkan Islam secara terbuka terutama setelah saidina Umar r.a. dan Hamzah r.a. memeluk Islam, kecuali pada tiga tahun pertama yang mana dakwah dijalankan dalam bentuk peribadi dan belum secara terbuka lagi.
- masyarakat Muslim berhadapan dengan penindasan keras dari penduduk majoriti Mekah. Penindasan yang keras dan kejam ini menyebabkan korban nyawa di kalangan beberapa sahabat dan puluhan yang lain harus melarikan diri ke Habshah untuk mencari perlindungan.
- Islam diamalkan secara terbuka di tengah-tengah masyarakat bukan Muslim, walaupun dalam keadaan ditindas. Nabi s.a.w dan para sahabatnya melakukan solat dan membaca Al-Quran di Masjidil Haram / Kaabah, walaupun ia dipenuhi dengan 360 berhala di sekitarnya. Kehidupan sosial terbuka sebegini berterusan walaupun ketika penduduk Mekah melancarkan boikot ke atas Bani Hashim dan Bani Mutalib kerana membela dan melindungi Nabi s.a.w dari gangguan penduduk Mekah yang lain. Ketika boikot berlaku, Muslim dari Bani Hashim dan Bani Mutalib terpaksa hidup di perkampungan mereka, tetapi Muslim dari suku-suku lain hidup seperti biasa dalam masyarakat.
- dakwah di era ini adalah dakwah dalam bentuk yang aman. Muslim di era ini dilarang dari melakukan perlawanan bersenjata terhadap

majoriti penduduk Mekah. Sebaliknya mereka diwajibkan untuk bersabar, menahan diri, memaafkan dan tidak mepedulikan perbuatan jahat yang menimpa mereka. Jihad bersenjata sebagai respon pada permusuhan dan kekerasan belum diwajibkan, bahkan dilarang.

MODEL KEDUA

Model kedua bermula dari penghijrahan beberapa para sahabat ke Habshah. Hijrah ke Habshah adalah inisiatif Nabi s.a.w bagi memenuhi objektif berikut:

- meringankan kesulitan dari para sahabat, khususnya mereka dari kalangan orang-orang biasa yang tidak mempunyai perlindungan dari gangguan penduduk Mekah kerana status sosial dan ketiadaan anggota kabilah yang mahu atau boleh memberi jaminan keselamatan
- mewujudkan kawasan selamat bagi Muslim untuk mengamalkan agama mereka, jauh dari ancaman ke atas nyawa dan harta benda
- mewujudkan sekumpulan “Muslim simpanan” yang dapat meneruskan usaha dakwah sekiranya berlaku musibah besar ke atas Muslim yang kekal di Mekah.

Habshah dipilih kerana Nabi s.a.w mengetahui bahawa ia diperintah oleh seorang raja (Najashi) yang adil, walaupun ia beragama Kristian.

Para sejarawan Islam tidak sepakat tentang tarikh sebenar bermulanya hijrah ke Habshah. Namun, ia dianggarkan berlaku antara tahun 614 dan 615 Masihi, iaitu pada tahun keempat atau kelima setelah kenabian. Sejarah mencatat dua rombongan besar yang berjumlah 120 Muslim berhijrah pada waktu yang berbeza. Ada kemungkinan wujud kumpulan-kumpulan lebih kecil atau individu lain yang berhijrah juga. Kesemua mereka berhijrah secara rahsia disebabkan usaha dari penduduk Mekah untuk mencegah perbuatan ini.

Sebahagian dari mereka yang berhijrah ke Habshah kemudian kembali ke Mekah sebelum Nabi s.a.w berhijrah ke Madinah. Apabila Nabi s.a.w telah selamat berhijrah ke Madinah, sebahagian sahabat yang berada di Habshah menyusul ke Madinah untuk bergabung

dengan Nabi, dan sebahagian yang lain kekal di sana hingga kumpulan terakhir dari para sahabat di bawah pimpinan Jakfar bin Abu Talib meninggalkan Habshah dan tiba di Madinah pada 628H/7H, ketika Perang Khaibar baru berakhir. Dengan ini dapat dianggarkan bahawa tempoh para sahabat menetap di Habshah ialah selama 14 ke 15 tahun.

Ciri-ciri model kedua ialah:

- Muslim hidup sebagai kumpulan minoriti dalam masyarakat majoriti yang bukan Muslim dan di bawah pemerintahan raja bukan Muslim dan sistem bukan Islam
- Muslim hidup dalam suasana yang mana kebebasan untuk mengamalkan agama dan keselamatan nyawa dan harta mereka terjamin
- Muslim dalam kedudukan politik dan sosial yang lemah kerana keadaannya sebagai kumpulan pendatang dan minoriti
- tiada perintah dari Nabi s.a.w untuk melakukan aktiviti jihad bagi pihaknya melalui Habshah ke atas penduduk Mekah dan sekutu mereka yang memusuhi Islam. Dapat diandaikan kewujudan kafilah dan perwakilan perdagangan Mekah di Habshah kerana perdagangan adalah sumber ekonomi utama penduduk Mekah. Namun, tiada satu laporan dicatat bahawa Nabi s.a.w pernah memerintahkan Muslim di Habshah untuk melakukan serangan atau mengganggu mereka di sana. Bahkan tiada juga perintah untuk menjadikan Habshah sebagai batu loncatan untuk melakukan serangan ke atas kepentingan Mekah di luar Habshah. Dapat disimpulkan dari ini bahawa Muslim di Habshah tidak diwajibkan untuk melakukan jihad bersenjata ke atas penduduk Mekah, walaupun jihad telah diwajibkan setelah Nabi s.a.w berhijrah ke Madinah. Hal ini juga memberitahu bahawa Muslim yang berlindung di Habshah berkewajipan untuk menghormati polisi Habshah yang mahu melindungi mereka dari penindasan Mekah tetapi tidak mahu mempunyai permusuhan dengan pihak Mekah bagi kelangsungan hubungan perdagangan dan keamanan antara kededua pihak.
- kehidupan di Habshah menumpu pada pengamalan Muslim di

peringkat individu dan kumpulan mereka sahaja. Tiada wujud bukti sejarah yang menunjukkan Muslim di Habshah melakukan usaha dakwah yang aktif di kalangan penduduk Habshah dan tiada juga ada laporan bahawa Nabi s.a.w memerintahkan mereka melakukan sedemikian. Hal ini berbeza dengan sikap Nabi s.a.w terhadap Madinah yang mana beliau melakukan dakwah secara aktif sebelum dan selepas berhijrah ke sana sehingga akhirnya Madinah berubah menjadi satu bandar yang dihuni oleh majoriti Muslim.

- Muslim di Habshah berpihak dan memberi sokongan kepada Najashi yang melindungi mereka apabila takhtanya terancam oleh usaha sebahagian pembesar di sana untuk merebut kuasa darinya. Terdapat laporan bahawa sebahagian Muslim yang berkemampuan ikut serta dalam perang melawan tentera pemberontak bersama dengan tentera Najashi dan yang tidak mampu pula berdoa bagi kemenangan Najashi. Semua ini adalah untuk menunjukkan sikap terima kasih kepada Najashi dan juga bimbang akan keselamatan mereka sekiranya Najashi dikalahkan oleh pemberontak.

MODEL KETIGA

Model ketiga bermula dari penghijrahan Nabi s.a.w ke Madinah pada 623M / 1H hingga Perjanjian Hudaibiyah dimeterai oleh Nabi s.a.w dan Mekah, pada 628M / 5-6H.

Nabi s.a.w berhijrah ke Mekah setelah berdakwah selama 13 tahun di Mekah dalam keadaan yang sulit kerana penindasan keras oleh para pemimpin Quraish. Keadaan menjadi lebih memburuk setelah kematian Abu Talib, pakcik Nabi s.a.w. Kematian Abu Talib menyebabkan Nabi s.a.w hilang orang kuat, selaku ketua suku Bani Hashim, yang melindungi dan memberi jaminan keselamatan. Hal ini mendedahkan nyawa sendiri dalam bahaya dan menyulitkan lagi usaha dakwahnya.

Perjanjian Hudaibiyah adalah perjanjian damai antara Nabi s.a.w selaku penguasa di Madinah dengan pemimpin Quraish di Mekah, setelah berperang selama lima tahun. Penjelasan yang lebih akan diberi

ketika membicarakan model keempat nanti.

Ciri-ciri model ketiga ialah:

- Nabi s.a.w dan para pengikutnya mempunyai kuasa politik.
- masyarakat Muslim hidup dalam masyarakat majmuk yang terdiri dari:
 - kaum Muhajirin (Muslim yang berhijrah dari Mekah)
 - kaum Ansar (Muslim penduduk asal Madinah)
 - kaum Arab yang memilih untuk kekal dengan agama lama mereka
 - kaum Yahudi yang berbeza etnik, adat dan agama, yang wujud dalam beberapa kabilah besar.
- kewujudan Piagam Madinah sebagai satu kontrak sosial dan politik antara pelbagai kelompok yang hidup di Madinah bagi mewujudkan kesatuan dan keharmonian. Perjanjian ini menyatukan kaum Muhajirin dan Ansar, Arab Muslim dan Arab bukan Muslim dan antara Arab Muslim dan Yahudi yang berbeza agama dan adat. Antara yang menarik dalam perjanjian ini ialah penerimaan semua pihak yang menandatangani perjanjian sebagai satu “ummah” yang mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama, iaitu;
 - mempertahankan Madinah dari ancaman dari luar
 - menjalani kehidupan secara harmoni dengan semua pihak
 - jaminan kebebasan bagi bukan Muslim untuk mengamalkan agama dan adat mereka
 - larangan melakukan hukuman kolektif sebagaimana yang biasa berlaku dalam tradisi masyarakat kabilah.
- tiada pembayaran jizyah dikenakan ke atas bukan Muslim di Madinah.
- jihad bersenjata diwajibkan ke atas Muslim bagi tujuan mempertahankan diri dari agresi musuh. Dalam hal ini, era ini menyaksikan tiga pertempuran besar berlaku antara Madinah dan Mekah, iaitu pertempuran Badr (2H), Uhud (3H) dan Al-Ahzab (5H).
- wujud konflik dengan tiga kabilah utama Yahudi kerana mengkhianati perjanjian yang terkandung dalam Piagam Madinah. Hal ini menyebabkan sebahagian dari mereka dikeluarkan dari

Madinah dan sebahagian yang lain pula dikenakan hukuman bunuh.

- wujud kumpulan pembangkang di kalangan Muslim. Mereka ini dikenali sebagai kelompok munafik kerana mereka sebenarnya menolak kenabian dan ajaran yang dibawa oleh Nabi s.a.w di hati, walaupun pada zahirnya mereka mengaku sebagai Muslim. Namun, kumpulan ini bebas untuk hidup dalam masyarakat tanpa alami penindasan disebabkan aktiviti mereka yang selalu membangkang tindakan dan perintah Nabi s.a.w.

MODEL KEEMPAT

Model ini bermula dari selepas pemeteraian Perjanjian Hudaibiyah pada 628M / 6H hingga kewafatan Nabi s.a.w.

Hudaibiyah merujuk pada satu tempat yang terletak berdekatan dengan Mekah. Pada tahun berlaku Perjanjian Hudaibiyah, Nabi s.a.w dan para sahabat merancang untuk melakukan umrah ke Mekah kerana perasaan rindu kepada Masjidil Haram dan sesuai pula dengan tradisi sedia ada di kalangan orang Arab yang sering melakukan umrah untun menziarahi Kaabah dan juga berhala-berhala sembahkan mereka yang berada di sekelilingnya. Ketika berkhemah di Hudaibiyah, Nabi s.a.w diberitahu oleh wakil dari Mekah bahawa beliau tidak akan dibenarkan melakukan umrah. Ini menyebabkan berlaku perundingan antara Nabi s.a.w dan wakil-wakil dari Mekah hingga akhirnya menatijahkan persetujuan untuk memeterai perjanjian antara Madinah dan Mekah yang kandungan terpentingnya ialah:

- kededua pihak tidak akan melakukan aksi permusuhan terhadap pihak yang lain atau sekutu masing-masing selama 10 tahun
- sesiapa yang lari dari Mekah ke Madinah tanpa izin ahli keluarganya hendaklah dikembalikan ke Mekah, tetapi sesiapa yang lari dari Madinah ke Mekah tidak boleh dikembalikan ke Madinah
- umrah hanya dibenarkan pada tahun akan datang.

Nabi s.a.w bersetuju dengan perjanjian ini kerana berfikiran jauh, iaitu mewujudkan sekitaran yang aman bagi membolehkan dakwah dilakukan dengan lebih aktif kepada kaum Arab di merata Tanah Arab

dan mengamankan Madinah dari musuh dari sebelah selatan (Mekah) hingga membolehkan beliau s.a.w memberi tumpuan untuk menghadapi ancaman musuh dari utara, iaitu kaum Yahudi yang berkubu di Khaibar yang dihuni oleh ramai Yahudi yang dikeluarkan dari Madinah sebelum ini. Mereka telah bergabung di Khaibar bersama Yahudi lain dan membuat komplot yang mengancam Madinah. Hal ini dapat dilihat dari fakta bahawa Nabi s.a.w segera melancarkan operasi tentera untuk menawan Khaibar setelah kembali ke Madinah dari Hudaibiyah.

Ciri-ciri model keempat ialah:

- penambahan pada kuasa politik Muslim di bawah kepimpinan Nabi s.a.w.
- masyarakat Madinah kekal sebagai satu masyarakat majmuk walaupun beberapa kabilah besar Yahudi telah keluar darinya kerana melanggar Piagam Madinah. Hal ini berdasarkan kewujudan sekutu-sekutu Nabi s.a.w dari kalangan Arab bukan Muslim setelah Perjanjian Hudaibiyah. Selain itu, terdapat kaum Yahudi yang tetap menetap di Madinah, walaupun jumlah mereka tidak seramai dahulu. Contoh kewujudan mereka ialah Nabi s.a.w wafat dalam keadaan perisainya digadai kepada seorang Yahudi yang tinggal di Madinah dan kes-kes yang diadili oleh Nabi s.a.w yang melibatkan individu Yahudi.
- dakwah yang aktif ke pelusuk Tanah Arab menyasarkan kabilah-kabilah Arab yang berjauhan dari Madinah dan raja-raja di masa itu seperti raja Rom, Parsi dan Muqauqis Mesir. Hal ini dilakukan dengan perutusan surat-surat kepada raja-raja dan pembesar dan pendakwah ke pelbagai daerah.
- peningkatan kemasukan kaum Arab ke agama Islam disebabkan keamanan yang wujud akibat dari Perjanjian Hudaibiyah. Dicatat dalam sejarah Islam bahawa jumlah orang yang memeluk Islam sejak berlaku Perjanjian Hudaibiyah hingga penaklukan Mekah melebihi dari jumlah yang memeluk Islam 19 tahun sebelum itu.
- menjalin hubungan dengan pelbagai kelompok bukan Muslim untuk mengikat perjanjian tiada permusuhan dan mengundang mereka menjadi sekutu Nabi s.a.w. Sebahagian kelompok ini

dikenakan jizyah dan ada pula yang tidak dikenakan jizyah.

- Wujud kes-kes murtad tanpa diberlakukan hukuman bunuh ke atas pelakunya.
- penaklukan Mekah oleh Nabi s.a.w pada tahun 629/630M atau tahun 8H. Hal ini berlaku kerana pihak Mekah telah mencabul Perjanjian Hudaibiyah apabila mereka membantu satu kabilah yang merupakan sekutu mereka melakukan serangan ke atas satu kabilah lain yang bersekutu dengan Nabi s.a.w.

BEBERAPA POIN PENTING

Sheik Ali Jum'ah membuat beberapa nota penting sebagai pelajaran bagi pembaca setelah membentang empat model di atas. Poin-poin berkenaan dapat dirumuskan sebagaimana di bawah ini.

Pertama, setiap model yang dibentangkan merupakan satu unit bebas dan tersendiri. Ini bermaksud, kewujudan dan pelaksanaan model pada era kemudian tidak bergantung pada kewujudan model yang mendahuluinya. Sebagai contoh, Model 4 tidak mesti diamalkan dalam sesuatu konteks hanya setelah Model 1, 2 atau 3 diamalkan dahulu. Memadai bagi Model 4 untuk diamalkan sekiranya ciri-ciri yang menyerupainya wujud dalam sesuatu konteks. Selain itu, model yang terkemudian tidak pula memansuhkan model lebih awal. Ertinya, hakikat Model 4 adalah model terakhir yang diamalkan oleh Nabi s.a.w di Madinah sebelum kewafatannya tidak bermakna ia menjadikan semua model-model yang terdahulu telah termansuh dan tidak boleh diamalkan. Ia tidak bermakna Muslim hanya mempunyai Model 4 sahaja sebagai pilihan dalam menjalani kehidupan dalam masyarakat majmuk dan model-model lain hanyalah satu hakikat sejarah sahaja.

Kedua, merumuskan keempat-empat model sebagai unit bebas dan tersendiri tidak bermakna menolak kemungkinan mewujudkan model hibrid, iaitu model yang menggabungkan dua atau lebih dari empat model yang ada bagi menyesuaikan dengan realiti masyarakat. Hal ini bahkan digalakkan, jika gabungan beberapa model mampu memberi pilihan yang lebih baik bagi masyarakat Muslim. Ini juga mendorong masyarakat Muslim berfikir secara kritikal dan kreatif

bagi mengembangkan apa yang ada sesuai dengan semangat ijtihad dan tajdid yang dianjurkan oleh Islam dan wujud dalam tradisi ilmu Islam silam.

Ketiga, model yang sesuai untuk diamalkan atau tidak bagi sesuatu konteks bergantung keserasian “illah” (sebab hukum atau ciri-ciri utama yang ada) pada model itu dengan konteks yang ada. Sebagai contoh, jika sesuatu konteks lebih hampir pada “illah” atau ciri-ciri Model 2, maka Model 2 lah yang lebih sesuai untuk dijadikan panduan bagi masyarakat Muslim bagi konteks itu. Jika masa berlalu dan berlaku perubahan keadaan hingga menjadikan masyarakat yang sama lebih dekat kepada “illah” dan ciri-ciri utama Model 3, masyarakat Muslim di situ boleh membuat penyesuaian untuk melaksanakan pula Model 3. Demikian juga apabila berlaku perubahan buruk yang menyebabkan keadaan masyarakat Muslim melemah, boleh juga kembali ke Model 3 atau 2, ikut apa yang sesuai. Hal ini memberitau bahawa sesuatu model itu tidak dilaksanakan bukan kerana ia telah berlaku naskh (pemansuhan) oleh model yang lain, tetapi pelaksanaannya hanya digantung atau ditangguhkan (nasa’) disebabkan “illah” atau ciri-ciri utamanya telah tiada. Jika “illah” atau ciri-ciri utamanya kembali, hukum keharusan mengamalkan model itu pun kembali semula.

Dalam soal penentuan “illah” atau ciri-ciri utama sesuatu model dan keserasiannya dengan realiti yang dihadapi sebagai penentu kesesuaian pelaksanaannya ia adalah tugas yang harus dipikul untuk para ulama. Contoh mengenai “illah” dan ciri-ciri utama keempat model (bukan sesuatu yang muktamad), dapat dilihat dalam rajah 2 di bawah ini.

Keempat, apakah model yang sesuai bagi sesuatu konteks? Oleh kerana penentuan “illah” dan ciri-ciri utama keempat-empat model yang dikenalpasti dari sirah Nabi s.a.w dan keserasiannya dengan konteks yang dihadapi dalam sesuatu masa merupakan tugas para ulama, menjadi tugas mereka juga untuk menentukan apakah bentuk atau model yang bagus dijadikan contoh untuk diamalkan oleh masyarakat Muslim dalam berhadapan dengan masyarakat majmuk

Model	Wajah / Ciri-ciri Utama
1	<ul style="list-style-type: none"> Berkeadaan lemah Tiada kebebasan untuk mengamalkan agama Tiada keselamatan pada diri, keluarga dan harta Wujud penindasan yang kuat
2	<ul style="list-style-type: none"> Berkeadaan lemah segi sosial dan politik Wujud jaminan keselamatan pada diri, keluarga dan harta Wujud kebebasan untuk mengamalkan syi'ar utama agama
3	<ul style="list-style-type: none"> Berkuasa, tetapi belum mantap / matang (<i>unconsolidated yet</i>) Kutuhan sosial pada tahap pembangunan awal masyarakat (<i>community building stage</i>)
4	<ul style="list-style-type: none"> Berkuasa kuat dan mantap (<i>consolidated</i>) Keadaan kesatuan masyarakat yang dianggap kukuh dan kuat

pada sesuatu masa. Namun perlu diingatkan bahawa penentuan model yang sesuai tidak mesti bersifat jumud dengan membataskan pada empat model yang dibicarakan sahaja. Model hibrid juga perlu diberi peluang yang sama kerana hakikatnya kehidupan sosial manusia sentiasa kompleks dan sukar untuk “dikotakkan” dalam satu kategori tertentu sahaja.

Kelima, Sheikh Ali Jum'ah menegaskan akan pentingnya para ulama semasa untuk tidak menggunakan segala yang mereka temui dari khazanah ilmu yang silam untuk menyelesaikan masalah semasa secara pukal (*whole-sale*). Beliau mengingatkan para ulama semasa untuk menghayati roh tajdid dan ijtihad dan meneruskan tradisi ini dalam kehidupan masa kini, sebagaimana yang dicontohkan oleh para ulama silam. Beliau akui bahawa tidak seharusnya juga khazanah ilmu Islam yang berusia 1500 tahun diketepikan begitu sahaja atas nama “pembaharuan” dan “ijtihad semula” kerana tanggapan segala tradisi ilmu silam itu telah “luput masa”, “kolot” dan “ketinggalan zaman”. Sikap ini menyalahi prinsip asasi dalam apa jua usaha akademik, iaitu ilmu dan kesarjanaan dibangun atas pengetahuan yang bersifat kumulatif, bukan membuang segala yang silam.

Keenam, Sheikh Ali Jum'ah memberi perhatian istimewa pada Model 2, iaitu model kehidupan Muslim di Habshah. Beliau berpendapat model ini mempunyai potensi besar untuk memberi panduan bagi jutaan Muslim hari ini dan di masa akan datang yang hidup dalam masyarakat majmuk di negara bukan Muslim, sebagai golongan minoriti yang menikmati jaminan keselamatan dan kebebasan beragama. Beliau mengingatkan bahawa kepentingan model ini telah terabai dan terlupakan oleh khazanah ilmu Islam kerana kewujudannya di awal-awal Islam telah dikaburi oleh dua model yang berikut sesudah Nabi s.a.w berhijrah ke Madinah. Selain itu, pembukuan ilmu fikih di zaman kegemilangan Islam juga menyebabkan para ulama bertanggungjawab tidak perlu lagi untuk membicारा atau memberi pertimbangan kepada model kehidupan di Habshah dalam persoalan berkaitan masyarakat Muslim. Oleh itu, pembangunan fikih Islam dan kitab-kitab fikih yang diwarisi hingga kini menjadi terlalu dipengaruhi oleh era di mana Muslim dalam keadaan kuat dan berkuasa seperti di zaman akhir Madinah, atau Model 4. Ini menyebabkan hukum-hukum yang digali dari kitab-kitab fikih yang ada sering didapati kurang bersesuaian dengan konteks Muslim minoriti pada hari ini dan dinilai tidak membantu untuk menghurai masalah semasa mereka. Oleh itu, antara perkara perlu diberi perhatian oleh para ulama masa kini ialah untuk menggali semula khazanah ilmu yang ada bagi menzahirkan kembali fikih kehidupan Muslim di Habshah dan yang seumpamanya dan, atas sebab inilah juga, para ulama perlu untuk berikap hemah (*prudence*) untuk tidak menggunapakai apa sahaja yang ditemui dalam kitab fikih lama, tanpa ambil kira konteks pada ketika hukum itu dihasilkan dan konteks semasa hari ini.

PENUTUP

Bahagian penutup ini adalah pelajaran yang dirumuskan oleh penterjemah sendiri dari buku yang diterjemahkan. Rumusan ini dibentangkan atas tujuan berkongsi idea dengan pembaca dengan harapan ia akan bermanfaat dan dianggap ilmu yang berguna.

Pertama, menjalani kehidupan sosial yang terbuka dan tidak terasing adalah satu kebiasaan Nabi s.a.w sejak sebelum menerima

wahyu. Sirah Nabi s.a.w yang mencatat sejarah hidup beliau sejak kelahiran hingga dewasa sebelum menerima wahyu menunjukkan bahawa Nabi s.a.w adalah seorang yang sentiasa bergaul dengan masyarakatnya dan aktif menyumbang kepada mereka. Hal ini dapat dilihat dari laporan-laporan sejarah berikut:

- Nabi s.a.w dikenali sebagai Al-Amin (yang amanah). Sekiranya Nabi s.a.w tidak bergaul, dikenali dan menyumbang kepada masyarakat secara aktif tidak mungkin beliau mendapat perakuan sedemikian oleh masyarakatnya
- Nabi s.a.w diberi kepercayaan untuk menjadi hakam (pengantara) dalam menyelesaikan satu masalah antara kabilah yang berlaku semasa masa muda beliau. Penyelesaian yang beliau kemukakan bagi masalah yang dihadapi dipersetujui oleh ketua kabilah-kabilah yang terbabit dan memuaskan hati mereka. Hal ini juga membuktikan bahawa Nabi s.a.w seorang yang dikenali ramai dan dihormati oleh anggota masyarakatnya sebelum beliau menerima wahyu
- Nabi s.a.w pernah melibatkan diri dalam Perang Fijar semasa usia remaja kerana membantu pakciknya Abu Talib yang mewakili suku Bani Hashim. Beliau dilaporkan mengutip anak panah di medan perang untuk diberikan kepada pemanah untuk dipanah semula ke musuh
- Nabi s.a.w pernah diundang untuk terlibat dalam Hilf Al-Fudul (Pakatan Al-Fudul) bagi membela nasib sesiapa yang dizalimi di Mekah
- Nabi s.a.w sentiasa diberi amanah untuk melakukan perniagaan bagi pemilik modal dari kalangan kaumnya. Salah seorang dari mereka ialah Khadijah r.a. yang kemudiannya menjadi isteri beliau s.a.w Semasa kecil juga, Nabi s.a.w menerima upah dan diberi kepercayaan untuk menggembala kambing dan ternakan orang lain.

Hal ini sebenarnya boleh menguatkan hujah akan sikap Muslim dalam sebuah masyarakat majmuk, iaitu mencontoh Nabi s.a.w yang berperibadi terbuka dan konstruktif sejak sebelum menjadi nabi lagi. Walaupun para ulama berbeza pendapat tentang samada perbuatan Nabi s.a.w sebelum kerasulan termasuk dalam sunnah yang

disyariatkan, namun yang menjadi poin utama di sini ialah apa yang berlaku itu menunjukkan keperibadian Nabi s.a.w yang patut dicontohi. Nilainya menjadi lebih tinggi kerana ia bukan sesuatu yang ada setelah kenabian tetapi sesuatu yang disebati dengan dirinya sebelum kenabian lagi.

Kedua, keempat-empat model dan kaitannya dengan situasi Muslim masa kini boleh digambarkan oleh rajah 3 di bawah ini. Bahagian konteks masa kini dan cadangan dari rajah ini bukan berdasarkan kajian yang kukuh, tetapi hanyalah satu lontaran idea untuk memudahkan kefahaman tentang konsep yang dibicarakan dan aplikasinya.

Model	'Illat	Konteks Zaman Moden	Cadangan
1	<ul style="list-style-type: none"> Berkeadaan lemah Tiada kebebasan untuk mengamalkan agama Tiada keselamatan pada diri, keluarga dan harta Wujud penindasan yang kuat 	<ul style="list-style-type: none"> Muslim semasa di bawah pemerintahan komunis di Cina, zaman Mao Tse Tong dan Rusia, zaman Stalin Kaum Rohingya (Myanmar), Uighur (Cina) 	<ul style="list-style-type: none"> Usaha dakwah tempatan yang sivil bagi hak asasi Kehidupan sosial yang terbuka Berhijrah bagi yang tidak mampu hadapi kesulitan
2	<ul style="list-style-type: none"> Berkeadaan lemah segi sosial dan politik Wujud jaminan keselamatan pada diri, keluarga dan harta Wujud kebebasan untuk mengamalkan syi'ar utama agama 	<ul style="list-style-type: none"> Muslim minoriti di Barat, Patani dsb. 	<ul style="list-style-type: none"> Usaha dakwah setempat yang sivil Penglibatan aktif dalam arena sosial dan politik bagi memperjuangkan masalah masyarakat Muslim dan masalah umum bersama Kerakyatan yang aktif dan positif

3	<ul style="list-style-type: none"> • Berkuasa, tetapi belum mantap / matang (<i>unconsolidated yet</i>) • Kutuhan sosial pada tahap pembangunan awal masyarakat (<i>community building stage</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> • Muslim di Irak, Afghanistan 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan konsolidasi demokrasi dan politik • Melakukan pembangunan nusa yang inklusif
4	<ul style="list-style-type: none"> • Berkuasa kuat dan mantap (<i>consolidated</i>) • Keadaan kesatuan masyarakat yang dianggap kukuh dan kuat 	<ul style="list-style-type: none"> • Muslim di Turki, Malaysia, Brunei 	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan aktif dan positif di arena antarabangsa (<i>international engagement</i>) • Melakukan dakwah global dan sivil • Melaksanakan pembangunan nusa yang inklusif

Ketiga, Muslim amat dianjurkan untuk menjadi individu dan masyarakat yang bergaul dengan masyarakatnya di arena sosial dan politik, walaupun jika masyarakatnya itu mencakupi kalangan bukan Muslim dan jika Muslim berkedudukan majoriti di dalam masyarakat. Hal ini dapat disokong oleh hadis,

“Sesungguhnya Muslim yang bergaul dengan manusia dan bersabar atas gangguan mereka lebih baik dari Muslim yang tidak bergaul dengan manusia dan tidak sabar dengan gangguan mereka.” (Riwayat Al-Tirmizi, Ibn Majah dan Ahmad)

Keempat, Muslim hendaklah berusaha untuk menjunjung nilai inklusif dalam pembangunan nusa dan memelihara hak-hak kaum minoriti apabila berkuasa, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Nabi s.a.w apabila berusaha membangun masyarakat Madinah.

Kelima, konsep ummah dalam Islam tidak mesti merujuk kepada umat Islam sahaja. Ia boleh bersifat inklusif, iaitu meliputi juga masyarakat bukan Muslim yang hidup bersama dengan masyarakat Muslim di satu daerah atau negara. Hal ini dapat dilihat dalam penggunaan perkataan “umamah” dalam Piagam Madinah.

Keenam, Muslim dibenarkan untuk berkongsi identiti kolektif bersama bukan Muslim. Selain dari Piagam Madinah, perkara ini juga dapat disokong oleh fakta bahawa para sahabat Nabi s.a.w mengguna identiti kabilah masing-masing, walaupun majoriti anggota kabilah mereka pada ketika itu adalah bukan Muslim, contohnya ialah Abu Musa Al-Ash'ari (dari kabilah Ash'ar), Abu Zar Al-Ghifari (dari kabilah Ghifar), Salman Al-Farisi (berdarah Parsi), dan Suhaib Al-Rumi (berdarah Romawi). Hal ini relevan bagi Muslim minoriti untuk merangkul identiti nasional di negara bukan Muslim.

Ketujuh, toleransi, berlaku sivil, dan menjunjung keamanan adalah sikap prinsip asasi Muslim, bukan sikap pragmatik bagi menghadapi keadaan yang lemah sahaja. Atas dasar ini juga, asas hubungan dengan bukan Muslim juga adalah aman, sivil dan toleransi, bukan perang dan permusuhan. Hal ini dapat dilihat dari sikap Nabi s.a.w semasa dakwah di era Mekah (Model 1 dan 2) dan di era Madinah (Model 3 dan 4).

Kelapan, dakwah secara aman adalah hukum asasi. Jihad bersenjata pula hanyalah kewajipan bagi mempertahankan diri dari permusuhan dan dilakukan pula sejajar dengan undang-undang antarabangsa. Hal ini dapat dilihat dari hakikat bahawa masyarakat Muslim diperintahkan untuk berdakwah secara aman sahaja semasa di Mekah dan Muslim di Habshah tidak pula diwajibkan menyumbang dalam jihad bersenjata setelah Nabi s.a.w berhijrah ke Madinah. Apabila peluang untuk berdamai pula, Nabi s.a.w segera menerimanya, walaupun tidak disukai oleh ramai para sahabat.

Kesembilan, mewujudkan dan memelihara suasana aman adalah penting bagi dakwah kerana dakwah akan lebih berjaya apabila wujud sekitaran yang aman. Hal ini dapat dilihat dari natijah Perjanjian Hudaibiyah yang disebut dalam Model 4.

Kesepuluh, menjadi Muslim minoriti di tengah-tengah masyarakat atau di bawah pemerintahan bukan Muslim tidak menjadikan Muslim rendah di mata Allah. Oleh itu, tidak perlu rasa bersalah. Yang lebih penting ialah bagaimana Muslim hidup dalam konteks masyarakat berdasarkan prinsip agamanya. Hal ini dapat dilihat dalam Model 2 yang merujuk pada situasi Muslim di Habshah.

Kesebelas, hidup di bawah pemerintahan bukan Muslim tidak semestinya haram dan tercela dalam Islam, jika Muslim mempunyai jaminan keselamatan bagi diri dan hartanya dan kebebasan untuk mengamalkan syiar-syiar utama Islam, iaitu rukun Islam dan rukun imannya. Muslim yang sebegini tidak wajib berhijrah meninggalkan negara bukan Muslim di mana dia berada.

Keduabelas, membeza-bezakan amalan Islam bagi Muslim minoriti dan Muslim majoriti mempunyai dasar dalam Islam. Hal ini dapat dilihat bahawa Muslim di Habshah tidak dibebankan dengan kewajipan yang dikenakan ke atas Muslim di Madinah seperti jihad bersenjata dan mendakwahkan Islam di kalangan bukan Muslim. Selain dari perkara-perkara yang bersifat fardu ain, seperti rukun Islam yang lima dan rukun iman yang enam, ajaran Islam terbuka pada kontekstualisasi.

Muhammad Haniff Hassan, Penterjemah

“Sheikh Ali Jum`ah dalam bukunya ini merumuskan empat model bagi Muslim untuk hidup secara aman bersama masyarakat bukan Muslim yang lain, atau dengan kata lain untuk hidup dalam satu masyarakat majmuk yang antara sifat kemajmukannya ialah kepelbagaian agama. Tujuan dari buku ini ditulis di sisi Sheikh Ali Jum`ah ialah untuk menyorot dan menegaskan sifat Islam sebagai agama yang berteraskan perdamaian dan keamanan, khususnya dalam berhubungan dengan masyarakat bukan Muslim berdasarkan contoh-contoh yang ditunjukkan Nabi s.a.w dalam sirah kehidupannya. Tujuan lain ialah:

- Menunjuk keupayaan warisan ilmu Islam untuk menawarkan asas keagamaan bagi Muslim untuk hidup secara harmoni serta beriltizam dengan ajaran Islam dalam satu masyarakat majmuk, tidak kira samada Muslim dalam kedudukan sebagai majoriti atau minoriti dalam masyarakat itu
- Membimbing Muslim masa kini dan akan datang untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi dalam kehidupan dalam masyarakat majmuk
- Menunaikan tanggungjawab peribadi sebagai seorang agamawan untuk meneruskan dan membangkitkan semula semangat ijtihad di kalangan ulama bagi menghuraikan masalah semasa yang berkaitan dengan Muslim dan Islam.

Gambaran umum empat model yang dibentangkan ialah:

- Model 1: Era kehidupan di Mekah, dari sejak pelantikan menjadi nabi (610M) hingga penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah (623M)
– era bersabar dan kehidupan bersama dalam masyarakat
- Model 2: Era kehidupan di Habshah, dari sejak penghijrahan para sahabat ke Habshah (614 / 615M) hingga penggabungan mereka dengan Nabi s.a.w di Madinah (628M / 6H)
– era hormat, patuh dan penglibatan dalam masyarakat
- Model 3: Era awal Madinah, dari sejak ketibaan Nabi s.a.w di Madinah (623M / 1H) hingga berlaku Perjanjian Hudaibiyah (628M / 6H)
– era kehidupan yang inklusif dan kerjasama
- Model 4: Era kedua Madinah, dari sejak Perjanjian Hudaibiyah hingga kewafatan Nabi s.a.w (633M / 10H).
– era keadilan dan pembinaan visi bersama.”

PENAJA UTAMA



PENAJA BERSAMA



Urus selia Penerbitan & Percetakan:

Contact: +65 9112 5252 / +65 9082 4337 | Emel: siti@globalpetrosolutions.com